

Kerajaan disaran nilai semula program

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran melihat semula mekanisme Program Subsidy Petrol (PSP) yang memanfaatkan kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berkenderaan di Semenanjung, awal tahun depan.

Penganalisis ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusof Saari, berkata tujuan apungan harga petrol RON95 dengan memberikan subsidi PSP kepada golongan berpendapatan rendah (B40) adalah tindakan baik, namun yang menjadi persoalan ialah ketepatan pangkalan data mengenai jumlah sebenar golongan sasaran itu.

"Saya boleh terima kerajaan mahu apungkan harga RON95 dan subsidi itu diberikan kepada golongan yang layak, tetapi kerajaan kena pastikan dahulu siapa yang betul-betul layak.

"Sebelum buat inisiatif begini, seharusnya ada satu pangkalan data yang tepat mengenai B40, sebabnya kita tidak mahu berlaku ketirisan," katanya.

Mohd Yusof turut berpendapat pelaksanaan pemberian tunai yang akan dikreditkan ke dalam akaun penerima setiap empat bulan sekali adalah tempoh yang lama untuk golongan B40 dan mencadangkan agar subsidi itu disalurkan sebulan sekali.

Beliau juga berpendapat kadar RM30 bagi kereta dan RM12 sebulan untuk motosikal yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, semalam juga perlu dipertimbangkan semula.

Dalam pada itu, Mohd Yusof turut mencadangkan subsidi PSP ini turut dinikmati golongan muda isi rumah kumpulan sederhana (M40) dengan meletakkan kadar lebih rendah. BERNAMA



Seharusnya ada satu pangkalan data yang tepat mengenai B40, sebabnya kita tidak mahu berlaku ketirisan.

Mohd Yusof Saari,
Penganalisis ekonomi UPM